



**KEPENTINGAN
TARIQAH DAN
TASAWWUF**



Oleh

MUHAMMAD FUAD BIN KAMALUDIN AL MALIKI

1429H / 2008M

Tajuk buku:

KEPENTINGAN TARIQAH DAN TASAWWUF

Muhammad Fuad bin Kamaludin al-Maliki

Cetakan Pertama: 2008M/1429H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-983-3343-51-5

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu

Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Disemak dan ditashih oleh:
Lujnah Penyemak dan Pentashih Penerbitan Agama
Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Diterbitkan oleh:
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Johor,
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh:
Master Gifts Sdn. Bhd.

INTISARI*Muka Surat Kandungan*

1. Definisi tariqah dan tasawwuf.
5. Definisi sufi dan tasawwuf.
10. Bidayah.
- Mujahadah.
11. Orang yang merasai zauq.
13. Kandungan tariqah dan tasawwuf.
14. Sejarah perkembangan tasawwuf.
18. Persoalan.
- Jawapan.
25. Kepentingan tariqah dan tasawwuf.
28. Al-Quran.
- Hadis.
29. Pandangan ulama.
32. Keperluan kepada tariqah dan tasawwuf pada era masa kini.
35. Kewajipan bertasawwuf dan bertariqah.
51. Menjalani Tasawwuf adalah wajib dan masuk ke dalam tariqah kumpulan tersebut adalah perkara yang wajib
42. Kesimpulan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TARIQAH DAN TASAWWUF

Definisi Tariqah

Kata jama' bagi tariqah ialah **taraiq** dan **туруq** yang berasal dari kata kerja **يَطْرُقُ**, **طَرَقَ** atau **يَطْرُقُ**. Ia mempunyai pelbagai makna yang berlainan mengikut perbezaan bentuknya (wazan) dan perbezaan konteks penggunaannya dalam sesuatu percakapan atau sesuatu ayat.¹

Perkataan **tariqah** dari beberapa sudut sama dengan perkataan **tariq**. Kedua-dua istilah ini; **tariqah** dan **tariq** digunakan juga di dalam al Quran yang memberi makna jalan dan kedudukan.

Firman Allah:

وَأَلِّوْا أَسْتَقْمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَأَسْقِينَهُمْ مَاءً غَدَقًا .

¹ Ibnu Manzur, Lisan al Arab Jld: 10, H: 464.

“(Nabi Muhammad diwahyukan menerangkan lagi): “Dan bahawa sesungguhnya! Kalaulah mereka (manusia dan jin) itu berjalan betul di atas jalan (Islam), sudah tentu Kami (akan memberikan mereka sebab-sebab kemewahan, terutamanya) menurunkan hujan lebat kepada mereka.”²

Firman Allah S.W.T.³

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ
 طَرِيقًا إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۗ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى
 اللَّهِ يَسِيرًا

“Sesungguhnya orang-orang kafir serta berlaku zalim, Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka dan tidak akan menunjukkan jalan kepada mereka. Selain dari jalan neraka Jahannam, yang mereka akan kekal di dalamnya selamanya; dan balasan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.”³

Dari sudut istilah, tariqah diberikan definisi yang berbeza-beza oleh tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dengan tasawwuf dan para pengkajinya.

Maksud **tariqah** di sisi Sayyid al Syarif Ali ibn Muhammad al Jurjani (wafat 816 H) ialah jalan (kerohanian) yang dikhususkan bagi orang-orang yang berjalan menuju kepada Allah dengan mengharungi pelbagai rintangan dan melalui peningkatan (rohani) di dalam pelbagai maqam.⁴

² Al Jin: 16.

³ Al Nisa': 168-169.

⁴ Al Sayyid al Syarif Ali Muhammad al Jurjani, Kitab al Ta'rifaat, H 116.

Manakala Syeikh Najm al Din Kubra (wafat 618 H) pula mendefinisikan **tariqah** dengan makna bertaqwa dan mendekatkan diri kepada Allah dengan mengharungi pelbagai rintangan dalam pelbagai maqam.⁵

Dari definisi di atas, kita mendapati bahawa kedua-duanya hampir sama sahaja. Bagaimana pun ramai ulama yang menjelaskan tentang hubungan di antara keduanya.

Maulana Zakaria al Kandahlawi r.a. menyatakan, bahawa **tariqah** itu sama maksudnya dengan ihsan yang disebut di dalam hadith Jibril a.s. yang diriwayatkan oleh Sayyiduna Umar ibn al Khattab r.a. Dalam hadith tersebut, Nabi s.a.w. bersabda:

“Ihsan ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, sekiranya kamu tidak melihatNya, maka sesungguhnya Allah itu melihat kamu.”

Maulana Zakaria al Kandahlawi r.a menyatakan lagi:

“Tariqah itu sebenarnya merupakan nama (istilah) yang kedua bagi ihsan yang disebutkan di dalam hadith tersebut, atau tariqah itu ialah jalan yang dengannya membolehkan (seseorang Mukmin) mencapai sifat ihsan. Ihsan itulah (juga) yang disebutkan dengan istilah tasawwuf atau suluk, atau namakanlah ihsan itu dengan nama apa sekali pun. Nama-nama itu merupakan perkataan-perkataan yang berlainan (sebutannya) namun maksudnya adalah sama sahaja.”

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Maulana Zakaria al Kandahlawi r.a, maka tariqah adalah sama dengan tasawwuf.

Ahli tasawwuf yang lain juga sependapat dengan Maulana Zakaria al Kandahlawi r.a. Syeikh Abdul Samad al Falembangi r.a menyebut:

⁵ Al Hakim Abu Abdullah Muhammad ibn al Hasan al Hakim, Kitab Khatm al Auliya' Hal. 475

“Dan hasil dari perkataan Imam al Ghazali r.a dalam kitabnya yang bertajuk **Jawahir al Quran** bahawa ilmu tariqah dan suluk itu dinamakan ilmu tasawwuf.”⁶

Menurut beliau, ilmu tariqah atau tasawwuf ini jugalah yang dinamakan dengan ilmu makrifah, ilmu hakikat, ilmu al nafi' (yang memberikan manfaat) dan ilmu batin. Ilmu tariqah juga dikenali sebagai ilmu hati, ilmu iman, ilmu yakin dan sebagainya. Sebahagiannya ada disebut di dalam hadith dan ada yang disebut di dalam athar sahabah.

Manakala Syeikh Najmuddin Kubra r.a pula menjelaskan kedudukan dan hubungan tariqah dengan syariah dan haqiqah dengan tujuan supaya konsep tariqah dapat difahami dengan lebih jelas. Beliau menegaskan dengan katanya:

“Syariah seperti kapal, tariqah seperti lautan, dan hakikat itu seperti mutiara. Sesiapa yang mahukan mutiara itu, dia mesti menaiki kapal, kemudian belayar mengharungi lautan itu. Kemudian barulah dia sampai kepada mutiara tersebut. Sesiapa yang meninggalkan urutan (perjalanan) ini, maka dia tidak akan sampai kepada mutiara tersebut.”⁷

Dari ketiga-tiga makna di atas, maka makna yang ditulis oleh Maulana Muhammad Zakaria r.a adalah lebih tepat dan mudah difahami kerana definisinya merujuk kepada Ihsan yang sebagaimana kita ketahui merupakan peningkatan Iman dan Islam ke maqam yang paling tinggi sehingga orang Mukmin tersebut menjadi Muhsin. Maka apabila disebut tariqah sahaja, maka orang yang telah biasa dengan istilah tersebut akan segera memahami bahawa yang dimaksudkan ialah jalan yang menyampaikan kepada darjat Ihsan.

⁶ Abdus Samad al Falembangi, *Siyar al Salikin* Jld 1 Hal. 5.

⁷ Al Hakim Abu Abdullah Muhammad ibn al Hasan al Hakim, *Kitab Khatm al Auliya'* H: 576.

Definisi Sufi dan Tasawwuf

Terdapat banyak pendapat ulama mengenai kata asal tasawwuf. Ini kerana, perkataan sufi pada asalnya diambil atau berasal dari suatu benda atau perkara yang dinisbahkan kepadanya. Di antaranya:

1. Perkataan sufi berasal dari nama seorang lelaki yang dipanggil Sufah (صُوفَة). Nama sebenarnya ialah al Ghauth ibn Mur ibn Ud ibn Tabikhah ibn Ilyas ibn Mudhar.⁸ Beliau telah menumpukan seluruh kehidupannya hanya untuk beribadah kepada Allah di Masjid al Haram. Dari perbuatannya itu, nama sufi dinisbahkan kepada namanya.

Ibnu Jauzi lebih cenderung kepada pendapat ini, tetapi Ibnu Taimiyyah melemahkan pendapat ini kerana beberapa sebab. Di antaranya, beliau menyatakan bahawa orang yang namanya dinisbahkan kepada sufi ini bukanlah orang yang masyhur dan dikenali. Sekiranya sufi sememangnya dinisbahkan kepada nama orang yang kuat beribadah, maka nama para sahabat dan tabi'en lebih layak dinisbahkan kepada sufi kerana kedudukan mereka yang lebih tinggi dan mulia.

2. Sebahagian ulama yang lain pula berpendapat, nama sufi dinisbahkan kepada perkataan suf (صُوف) iaitu pakaian yang dibuat daripada bulu kambing. Pendapat ini dipilih oleh Ibnu Taimiyyah, al Suhraward⁹ dan Ibnu Khaldun¹⁰ berdasarkan beberapa perkara.

3. Dikatakan juga perkataan sufi dinisbahkan kepada **Ahli Suffah** (صُفَّة). Iaitu, mereka yang tinggal di anjung Masjid Nabawi

⁸ Muhammad ibn Ya'qub al Fairuz Abadi, Qamus al Muhit. Jld 2. H: 1105.

⁹ Umar ibn Muhammad al Suhrawardi, Awarif al Ma'arif. H: 41.

¹⁰ Abdur Rahman ibn Muhammad ibn Khaldun, Muqaddimah Ibni Khaldun H: 517.

di Madinah yang disediakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk sahabat-sahabat yang miskin. Di antaranya ialah sahabat Baginda s.a.w. yang mulia, Abu Hurairah, Abu Zar dan Abu Darda' r.a. kerana mereka mempunyai persamaan dengan orang sufi dari segi hubungan dengan Allah. Mereka telah memutuskan hubungan dengan dunia dan meluangkan masa untuk beribadah.

Pendapat ini ditolak, kerana dari segi bahasa, sekiranya mereka menyandarkan kepada **Ahli Suffah** (صُفَّة), maka mereka akan dipanggil sebagai **Suffi** (صُفِّي), iaitu dengan dua 'fa', sedangkan perkataan sufi hanya mempunyai satu 'fa'.

Pengarang **Qamus al Muhit** menyatakan, bahawa sandaran nama ini adalah salah dari segi tatabahasa Bahasa Arab.

4. Dikatakan ia berasal daripada perkataan **sof** (صَف) iaitu **sof** hadapan, kerana orang-orang sufi akan berdiri di sof-sof hadapan ketika menghadap Allah di akhirat kelak.

Ini juga tidak tepat dari segi bahasa, kerana sekiranya nama sufi disandarkan kepada perkataan sof, maka sudah tentu ia disebut sebagai soffii (صَفِّي) bukannya sufi (صُوفِي).

5. Dikatakan juga, perkataan tasawwuf dinisbahkan kepada makhluk pilihan Allah (صَفْوَة). Ini juga tidak tepat dari sudut bahasa, kerana mengikut bahasa, orang yang terpilih disebut di dalam Bahasa Arab sebagai **Sofawi** (صَفْوِي).

6. Dinisbahkan kepada **Sufanah** (صُوفَانَةٌ) yang bermaksud tumbuhan di padang pasir. Ini kerana, mereka hidup memadai dengan makanan yang sedikit seperti tumbuh-tumbuhan yang berada di padang pasir.

Pendapat ini juga tidak betul kerana mengikut Bahasa Arab, sekiranya dinisbahkan kepada **Sufanah** maka ia menjadi **Sufani** (صُوفَانِي) bukannya sufi.

7. Dikatakan, perkataan sufi berasal dari perkataan **Sufah al Qafa** (rambut-rambut yang tumbuh di hujung bahagian belakang kepala) kerana ahli sufi memalingkan pandangan mereka daripada makhluk dan menghadapkan pandangan mereka kepada Allah.

8. Dikatakan perkataan sufi berasal dari perkataan **sofa'** (الصَّفَاءُ), yang bermaksud suci. Sekalipun terdapat pendapat yang menyangkalnya dari segi bahasa, namun ini adalah pendapat yang sohih dan dipersetujui oleh kebanyakan ulama.

Abu al Fath al Busti r.a. (wafat 401 H) pernah menyatakan:

تَنَازَعَ النَّاسُ فِي الصُّوفِيِّ وَاخْتَلَفُوا
 فِيهِ وَظَنُوهُ مُشْتَقًّا مِنَ الصُّوفِ
 وَكُنْتُ أَمْنَحُ هَذَا الْإِسْمَ غَيْرَ قَسِي
 صَافِي فَصُوفِي حَتَّى سُمِّيَ الصُّوفِيَّ

“Manusia telah bercanggah pendapat di dalam memberikan makna sufi dan mereka telah berselisih pendapat padanya, mereka menyangka bahawa ia terbit daripada perkataan suf (pakaian bulu kambing);

Dan aku tidak sekali-kali memberikan nama ini melainkan kepada pemuda yang mensucikan dirinya, maka ia menjadi suci sehingga dinamakan sebagai sufi.”

Mereka dinamakan sufi kerana dinisbahkan kepada perkataan sofa' (الصَّفَاءُ) disebabkan Ahli Sufi memandang kepada batin atau dalaman sesuatu perkara, ketika manusia memandang kepada zahirnya. Orang sufi juga sentiasa berusaha membersihkan dan menyucikan diri mereka daripada kotoran zahir dan batin.¹¹

Manakala definisi tasawwuf dari sudut istilah:

Syeikh Zarruq r.a menyebut, definisi tasawwuf mencapai sehingga dua ribu pentar'ifan.¹² Semua definisi tersebut dicetuskan oleh ulama berdasarkan zauq dan pengalaman rohani yang mereka alami dalam mujahadah mereka menuju kepada Allah. Sebahagian daripada mereka pula, mendefinisikan tasawwuf berdasarkan peringkat-peringkat yang terdapat dalam tasawwuf.

Di antaranya, Abu Muhammad al Jariri r.a. mentakrifkan tasawwuf berdasarkan keadaan **Ahli Bidayah** (orang yang berada di peringkat permulaan). Beliau mentakrifkan:

هُوَ الدُّخُولُ فِي كُلِّ خُلُقٍ سَنِيٍّ، وَالْخُرُوجُ مِنْ كُلِّ خُلُقٍ دَبِيٍّ

¹¹ Abdul Aziz Ahmad Mansur, al Tasawwuf al Islami al Sohih, H:24-27.

¹² Ahmad ibn Muhammad ibn Ajibah al Hasani, Iqaz al Himam. H: 24.

“(Tasawwuf) ialah berakhlak dengan segala akhlak yang mulia dan keluar daripada setiap akhlak yang hina.”¹³

Manakala Abu al Hasan al Nuri r.a. mentakrifkan tasawwuf berdasarkan mujahadah orang-orang yang sedang salik¹⁴ menuju kepada Allah. Beliau berkata:

التَّصَوُّفُ تَرْكُ كُلِّ حَظٍّ لِلنَّفْسِ

“Tasawwuf ialah meninggalkan segala kehendak nafsu.”¹⁵

Imam al Syazuli r.a. pula berkata:

التَّصَوُّفُ هُوَ تَدْرِيْبٌ لِلنَّفْسِ عَلَى الْعِبَادَةِ، وَرَدُّهَا لِأَحْكَامِ الرُّبُوبِيَّةِ

“Tasawwuf ialah melatih nafsu ke arah pengabdian kepada Allah dan menundukkan nafsu di bawah hukum-hakamNya.”¹⁶

Imam al Junaid r.a.¹⁷ pula mentakrifkan tasawwuf berdasarkan keadaan Ahli Nihayah atau orang yang telah merasai

¹³ Abdul Karim ibn Hawazin al Qusyari, Risalah al Qusyairiyyah fi Ilmi al Tasawwuf. H: 280.

¹⁴ Orang yang mengambil tariqah daripada penghulu kaum sufi dan menjalaninya mengikut syarat-syarat yang telah mereka tetapkan.

¹⁵ Al Kalabazi, al Ta'aruf li Mazhab Ahli al Tasawwuf H: 32 dan Zainuddin Muhammad Abdur Rauf al Munawi al Kawakib al Durriyyah fi Tarajim al Sa'adah al Sufiyyah Jilid 1 H:524.

¹⁶ Al Mafakhir al 'Aliyyah: H:111.

¹⁷ Beliau merupakan penghulu dan iman bagi kumpulan ahli sufi. Dilahirkan dan dibesarkan di Iraq. Beliau merupakan seorang faqih di dalam mazhab Abu Thur dan telah mengeluarkan fatwa di dalam halaqah pengajiannya semasa berusia 20 tahun. Bersahabat dengan bapa saudaranya, al Sariy al Saqati, al Harith al Muhasibi dan Muhammad ibn Ali al Qassab r.a.. Wafat pada tahun 297 H bersamaan 910 M. Ustaz Abu Ali al Daqqaq berkata: Junaid r.a. memasuki kedainya pada setiap hari dan menutup tabir kedainya, lalu solat empat ratus rakaat kemudian kembali ke rumahnya. Abu Bakar al 'Atowi berkata: Ketika aku berada di samping Junaid r.a. semasa beliau hampir meninggal dunia, beliau telah mengkhatamkan al Quran kemudian memulakan

hasil perjalanannya yang dicita-citakan. Menurutnya, tasawwuf ialah:

أَنْ يُمَيِّكَ الْحَقُّ عَنْكَ وَيُحْيِيكَ بِهِ

“Allah mematikan kamu daripada memandang kepada diri kamu (fana’) dan Dia menghidupkan kamu dengan mengingatiNya dan bermunajat kepadaNya (baqa’).”¹⁸

Ini merupakan darjat sufi yang paling tinggi dan sempurna. Berdasarkan definisi-definisi di atas, kita mendapati bahawa seseorang Ahli Sufi perlu melalui tiga peringkat berikut:

1. **Bidayah**

Orang yang berada di peringkat ini, akan merasai pada fitrahnya bahawa terdapat suatu hakikat yang perlu dikecapi. Hakikat itu ialah akhlak dan peradaban yang mulia. Akibatnya, rohnya benar-benar merasa rindu untuk mengecapinya. Untuk mengenali dan mengecapinya pula, memerlukan kepada suatu perjalanan yang berbekalkan keazaman dan niat yang jujur dan benar.

2. **Mujahadah**

Aspek amalan yang berhubung kait dengan syari’at.

3. **Orang yang merasai zauq**

Merasai dan mencapai hasil yang dicita-citakan.

Dalam erti kata lain, peringkat tasawwuf ialah:

semula bacaan pada surah al Baqarah, tetapi setelah sampai tujuh puluh ayat beliaupun meninggal dunia.

¹⁸ Al Risalah al Qusyairiah H: 280, Awarif al Ma’arif H: 39 dan Nataij al Afkar al Qudsiyyah Jilid 4 H: 6.

1. Mengenal nafsu, rangsangan dan keinginannya.
2. Menyucikan hati dan membersihkan roh daripada sifat-sifat yang kotor dengan bermujahadah.
3. Menghiasi diri dengan sifat-sifat yang mulia dan meningkatkan diri dari satu maqam ke satu maqam untuk menjadi ahli sufi yang mempunyai hati yang sentiasa sibuk bersama Allah.

Maka, seseorang salik masih belum layak untuk digelar sebagai Ahli Sufi, melainkan setelah melalui ketiga-tiga peringkat ini dan orang-orang yang masih belum merentasi ketiga-tiga peringkat ini, dinamakan sebagai murid atau mutasawwif.¹⁹

Berdasarkan semua definisi di atas, dapatlah dibuat kesimpulan, bahawa tasawwuf tertegak di atas konsep kejernihan, merebahkan kedegilan nafsu, mengikut Sunnah, zuhud terhadap dunia dan keseronokannya, memutuskan hubungan dengan selain Allah dan sentiasa bertafakkur tentangNya.

Sebahagian Ahli Sufi berkata: Permulaan tasawwuf ialah ilmu, pertengahannya ialah amal, dan penghujungnya ialah mendapat kurniaan daripada Allah.²⁰

Oleh itu, dapat kita fahami, tasawwuf Islam terbit daripada usul agama yang sohih dan bukannya daripada mana-mana mazhab atau agama lain, seperti dakwaan sesetengah pihak.

Asas yang membezakan di antara tariqah dan tasawwuf ialah sudut pandangan itu sendiri sama ada dari sudut perjalanannya atau pun matlamat kesudahannya. Jika dipandang dari sudut perjalanannya, maka dikenali sebagai tariqah. Tetapi jika dipandang dari sudut matlamatnya yang terakhir maka ia

¹⁹ Abdul Aziz Ahmad Mansur, *al Tasawwuf al Islami al Sohih* H:23.
²⁰ *Ibid.* H: 23.

dikenali sebagai tasawwuf. Namun, kedua-duanya tetap sama kerana doktrin dan kandungan kedua-duanya serupa sahaja.

KANDUNGAN TARIQAH DAN TASAWWUF

Dalam konsep dan maknanya yang umum, tariqah dan tasawwuf mengandung ketiga-tiga pokok ilmu Islam yang penting iaitu tauhid, feqah dan tasawwuf. Ketiga-tiga pokok ilmu ini lahir dari tiga asas agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan sebagaimana yang disebut di dalam hadith Jibril a.s. yang lepas.

Dalam hadith Nabi s.a.w. ini disebut. "**An Ta'budallah**" bermaksud: "Kamu menyembah atau beribadat kepada Allah." Beribadat kepada Allah, tentulah berdasarkan kepada iman dan Islam. Ini bermakna, ibadah itu merupakan penghayatan ilmu tauhid dan feqah. Menurut hadith tersebut, ibadah itu jika dapat ditingkatkan sehingga mendapat pengalaman rasa seakan-akan atau seolah-olah melihat atau menyaksikan hakikat Allah, maka pengalaman rasa seakan-akan melihat Allah itulah ihsan yang kemudian dikenali sebagai tasawwuf atau tariqah. Oleh sebab itulah, maka ilmu tasawwuf atau tariqah dianggap sebagai ilmu rasa (ilmu zauqi) yang mana menurut Imam Ghazali r.a., tidak dapat dicapai dengan jalan mendengar atau ta'lim seperti ilmu-ilmu yang lain kecuali dengan zauq dan suluk sahaja. Apabila ibadah itu telah sampai ke peringkat zauq, maka ibadah itu akan

bertukar menjadi ubudiyah. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah dijelaskan, maka apabila seseorang itu beramal dan menghayati ilmu tasawwuf atau tariqah, bermakna dia telah mengamalkan dan menghayati ketiga-tiga ilmu iaitu tauhid, fiqh dan tasawwuf atau tariqah sekaligus.

SEJARAH PERKEMBANGAN TASAWWUF

Terdapat perselisihan pendapat ulama berkenaan sejarah pertumbuhan tasawwuf.

Abu al Nasr al Siraj r.a. berpendapat bahawa permulaan pertumbuhan tasawwuf ialah pada zaman Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam.²¹

Manakala Ibnu Khaldun pula berkata: Tasawwuf mula tumbuh pada kurun ke-2 Hijrah ketika manusia mula menumpukan perhatian kepada dunia. Maka golongan sufi berusaha mengajak mereka ke arah zuhud dan beribadah.²²

Ibnu Jauzi pula berpendapat, tasawwuf lahir sebelum 200 tahun Hijrah.²³

Manakala Ibnu Taimiyyah berpendapat, tasawwuf berkembang pada awal kurun ke-2 dan ia tidak masyhur melainkan selepas kurun ke-3 Hijrah. Sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Taimiyyah, perbincangan tentang tasawwuf dinaqalkan daripada Hasan al Basri r.a. (wafat 110 H) dan Sufyan al Thauri r.a. (wafat 161 H).

Pada permulaannya, tasawwuf diterjemahkan melalui sifat zuhud kepada dunia, mengosongkan diri untuk beribadah, bermujahadah melawan hawa nafsu dan mentaati perintah Allah sehingga menatijahkan akhlak yang mulia.

²¹ Abu Nasr al Siraj, al Luma' H: 42

²² Muqaddimah Ibn Khaldun, Abdur Rahman ibn Muhammad ibn Khaldun H: 517.

²³ Ibnu Qayyim al Jauziyyah, Talbis al Iblis H: 173

Hakikatnya, tasawwuf dimanipulasikan daripada akhlak dan ikutan terhadap kehidupan Rasulullah s.a.w.. Sekiranya kita meneliti kepada kehidupan Rasulullah s.a.w., maka jelas sekali perjalanan Baginda s.a.w. menuju kepada Allah berasaskan konsep yang sama dengan konsep tasawwuf iaitu tafakkur, 'uzlah (khalwat), riyadhah (latihan) dan mujahadah yang dicernakan di dalam perkataan dan perbuatan Baginda s.a.w., sehingga roh Baginda s.a.w. telah berjaya melalui proses kejernihan dan penyucian. Perasaan hati Baginda s.a.w. menjadi halus dan cermin hati Baginda s.a.w. menjadi terang-benderang sehingga bersedia untuk menerima pelbagai nikmat mimpi. Maka jadilah mimpi-mimpi Baginda s.a.w. itu mimpi yang benar sepertimana cahaya Subuh yang membelah langit. Ia merupakan cahaya-cahaya hakikat yang memancar ke dalam lubuk hati Baginda s.a.w. dengan benar dan yakin sebelum diturunkan wahyu.

Baginda S melayari kehidupannya malam dan siang di Gua Hira' seorang diri dalam keadaan terasing daripada kesibukan manusia sebelum diturunkan wahyu. Baginda s.a.w. tidak dibangkitkan sehinggalah diturunkan ilmu syariat kepadanya mengikut keadaan yang berlaku dan setelah Baginda S layak untuk membawa dan memikul risalah kerasulan daripada Allah.

Maka selepas itu, sahabat pula berjalan di atas risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Mereka tidak menghafaz satu ayat daripada ayat-ayat al Quran, melainkan selepas beramal dan melaksanakannya.

Ramai di kalangan sahabat yang hidup dalam keadaan zuhud dan wara' semasa hayat dan selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Banyak ayat yang berkonsepkan tasawwuf diturunkan, sekalipun tidak dinamakan sebagai tasawwuf.

Di antaranya, firman Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad s.a.w.:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ
يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ...

“Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata.”²⁴

Firman Allah ﷻ:²⁵

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ
وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

“(Ibadah itu dikerjakan oleh) orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan solat serta memberi zakat, mereka takutkan hari (Kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.”

Firman Allah S.W.T.:

كُونُوا رَبَّيْنَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ .

²⁴ Al Kahfi: 28.

²⁵ Al Nur: 37.

²⁶ Aali Imraan: 79.

“Hendaklah kamu menjadi orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah S.W.T. dengan ilmu dan amal yang sempurna) kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”

Firman Allah S.W.T.:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

“Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”²⁷

Sesungguhnya telah diriwayatkan daripada Sayyidatuna Aisyah r.a:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى قَامَ حَتَّى تَفْطُرَ رِجْلَاهُ، فَقَالَتْ عَائِشَةُ أَتُصْنَعُ هَذَا، وَقَدْ غُفِرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ؟، فَقَالَ: يَا عَائِشَةُ أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا؟

“Bahawa Nabi s.a.w. apabila solat berdiri sehingga bengkak (pecah) kedua belah kakinya. Maka Aisyah bertanya kepadanya, “Kenapakah kamu melakukan kesemuanya ini, wahai Rasulullah, sedangkan dosa-dosa kamu yang terdahulu dan terkemudian telah pun diampunkan. Maka jawab Baginda s.a.w., “Apakah tidak boleh aku menjadi hamba yang bersyukur.”²⁸

²⁷ Yunus: 62.

²⁸ Diriwayatkan oleh al Syaikh, al Nasaei dan al Tirmizi. Lihat Sohih Muslim bi Syarh al Nawawi Jilid 16, H: 296-297. Hadith no: 2820.

Daripada penjelasan di atas, menunjukkan bahawa orang-orang Islam mempunyai darjat-darjat yang tertentu di dalam suluk, ibadah dan aqidah mereka. Ada di antara mereka menjadi orang Islam yang biasa, ada yang berada di pertengahan, dan ada yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada itu.

Firman Allah S.W.T:

فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۗ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ

“Maka ada di antara mereka yang berlaku zalim terhadap dirinya sendiri (dengan tidak mengendahkan ajaran al Quran), ada di antaranya yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebajikan.”

Sesungguhnya model tasawwuf Islam yang sebenar ialah Islam itu sendiri dan mutasawwif yang sebenar ialah orang Islam yang hakiki.

PERSOALAN:

Menurut Dr. Ahmad 'Alwash, ramai di kalangan ahli masyarakat mempersoalkan tentang sebab tasawwuf tidak tersebar pada kurun yang pertama dan ia tidak muncul melainkan selepas zaman sahabat dan tabi'en.

JAWAPAN:

Pada kurun yang pertama, mereka tidak berhajat kepada ilmu tasawwuf kerana penduduk pada zaman tersebut terdiri daripada orang-orang yang wara', bertaqwa dan kuat bermujahadah. Tabiat mereka menjurus kepada ibadah, dan hubungan mereka lebih dekat dengan Rasulullah s.a.w.. Semangat mereka sentiasa bersemarak untuk berlumba-lumba mengikut jejak langkah Baginda s.a.w. dalam setiap aspek kehidupan.

Oleh hal yang demikian, pada masa itu tidak ada suatu kepentingan untuk diadakan pengajaran tentang sesuatu ilmu secara terperinci. Keadaan mereka samalah dengan orang Arab tulen; mereka mengetahui Bahasa Arab melalui warisan daripada satu generasi ke satu generasi sehingga mereka boleh mengubah bait syair yang indah dan tinggi mutu bahasanya berdasarkan fitrah mereka tanpa ada pengetahuan sedikitpun mengenai kaedah-kaedah Bahasa Arab, l'rab dan sebagainya. Mereka tidak perlu mempelajari ilmu Nahu dan Balaghah. Namun, setelah meluasnya pelbagai lahjah dan berlakunya kelemahan untuk mengungkapkan bahasa, pembelajaran Bahasa Arab dan kaedah-kaedahnya menjadi penting untuk memberi kefahaman kepada orang asing. Ketika itu, ilmu ini menjadi penting dalam masyarakat sebagaimana ilmu-ilmu lain yang tumbuh dan disusun mengikut urutan masa dan waktu yang munasabah.

Sahabat dan tabi'en, sekali pun tidak dinamakan dengan mutasawwifin, mereka adalah Ahli Sufi yang menerapkan nilai-nilai kesufian di dalam kehidupan mereka. Apa yang dikehendaki oleh tasawwuf, tidak lebih daripada menjuruskan kehidupan semata-mata kerana Allah dan bukannya kerana diri sendiri, sambil menghiasi diri dengan sifat zuhud, dan bermulazamah dengan ibadah, serta menghadapkan jiwa dan roh sepenuhnya kepada Allah pada setiap masa. Sifat-sifat kesempurnaan inilah yang diamalkan oleh para sahabat dan tabi'en sehingga melayakkan rohani mereka meningkat kepada darjat yang lebih tinggi.

Mereka tidak sekadar mengikrarkan keimanan dan melaksanakan kefardhuan Islam, tetapi menyertakan pengakuan dengan **zauq** dan **wujdan** (menyelami amal dengan merasai nikmat kelazatan beramal). Malah, mereka juga menambah amalan-amalan sunat di samping melaksanakan amalan fardhu, menjauhi perkara-perkara yang makruh, lebih-lebih lagi perkara-perkara yang diharamkan sehingga **basirah** (mata hati) mereka disuluh cahaya, dan hati-hati mereka terpancar hikmah dan limpahan cahaya ketuhanan.

Keadaan mereka diikuti pula oleh golongan tabi'en dan tabi' tabi'en. Ketiga-tiga kurun ini merupakan kurun yang terunggul dan terbaik di dalam Islam. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ قَرِينِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ.²⁹

“Sebaik-baik kurun ialah kurunku, kemudian diikuti oleh kurun selepasnya dan kurun yang selepasnya pula.”

Namun setelah zaman beredar, empayar kerajaan Islam semakin luas, negara Islam dimasuki pelbagai kaum dan bangsa, perkembangan ilmu Islam semakin meluas, maka setiap ulama mengambil inisiatif bangun menyusun ilmu mengikut bidang masing-masing. Selepas penyusunan ilmu nahu dilakukan pada kurun yang pertama, maka disusun pula ilmu feqah, tauhid, hadith, usuluddin, tafsir, mantiq, mustolah hadith, ilmu usul, faraidh dan sebagainya.

Setelah tempoh penyusunan ilmu ini berlalu, maka penekanan terhadap faktor dalaman atau roh mulai longgar dan terpinggir sedikit demi sedikit. Manusia semakin melupakan kepentingan penghadapan dan pengabdian diri kepada Tuhan. Kehidupan mereka mulai cenderung kepada dunia dan anasir-anasirnya. Suasana segar untuk menghayati wahyu semakin pudar. Cahaya Nubuwwah dan risalah Muhammadiyah semakin jauh, malah perjalanan menuju kepada Allah semakin rumit dan sukar.

Apabila permasalahan ini berlaku, Ahli Sufi yang menjadi pewaris Nabi s.a.w. amat diperlukan. Golongan manusia yang masih segar menghayati wahyu Ilahi dan pancaran Nubuwwah ini terpanggil untuk menyusun ilmu tasawwuf dan menetapkan ketinggian dan kelebihan tasawwuf daripada ilmu-ilmu yang lain.

²⁹ Dikeluarkannya oleh al Bukhari di dalam Sohihnya di dalam kitab al Syahadaat dan di dalam Sohih Muslim di dalam Fadhail al Sohabah, lihat Sohih Muslim bi Syarh al Nawawi Jilid 16, H: 68, hadith no: 212.

Penyusunan ilmu tasawwuf dilakukan bukan untuk menandingi ilmu-ilmu lain yang telah disusun sebelum penyusunan ilmu tasawwuf sebagaimana sangkaan salah orientalis, tetapi untuk menampal kekurangan dan menyempurnakan keperluan-keperluan agama dalam setiap aspek kehidupan. Kewujudan ilmu tasawwuf, dapat membantu kepada sebab-sebab bermulanya suatu kebaikan dan ketaqwaan. Secara ringkasnya, Ahli Sufi ialah golongan dalam masyarakat Islam yang berusaha untuk meneruskan perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a..

Sejajar dengan itu, pemuka-pemuka tasawwuf yang terawal, membina usul tariqah mereka sebagaimana yang termaktub di dalam lembaran sejarah Islam yang dinaqalkan daripada ulama yang **thiqah** (dipercayai).³⁰

Seiring dengan perkembangan pesat ilmu tasawwuf pada permulaan kurun ke-3 Hijrah, istilah 'Tariqah' sudah mula dimanifestasikan. Tariqah juga menjadi suatu manhaj umat Islam dalam perjalanan menuju kepada Allah. Hubungan tasawwuf dan tariqah tidak lagi dapat dipisahkan, malah memperkatakan tariqah bererti memperkatakan tasawwuf, menjalani perjalanan seorang salik bermakna menjalani perjalanan seorang mutasawwif. Perbincangan bidang tariqah dan tasawwuf semakin meluas dan mendalam sehingga wujudnya perbincangan dua unsur yang terpenting di dalam ajaran tariqah dan tasawwuf iaitu **maqam**³¹ dan **ahwal**³².

³⁰ Syeikh Abdul Qadir Isa, Haqiq 'an al Tasawwuf H: 19-22

³¹ Maqam ialah istilah bagi setiap pangkat perhentian orang yang sedang salik (berjalan) kepada Allah. Tidak sah seseorang itu berpindah dari maqamnya kepada maqam yang lain, melainkan setelah sempurna segala hak maqam yang didudukinya. Misalnya, seseorang yang tidak lagi menyempurnakan hak maqam qana'ah (redha dengan kurniaan Allah), tidak sah dia berpindah kepada maqam tawakkal. Seseorang salik memperolehi suatu maqam dengan usahanya yang bersungguh-sungguh yang diistilahkan dengan kasbi.

³² Hal jama'nya ahwal, iaitu istilah bagi suatu keadaan yang didatangkan oleh Allah kepada hati seseorang salik (yang berjalan menuju kepada Allah) yang berada di dalam suluknya tanpa diusahakan. Ia datang daripada kurniaan Allah S.W.T. semata-mata seperti hal rindu kepada Allah, hazan (dukacita) dan haibah (gerun).

Pada asalnya, ilmu tasawwuf hanya dihayati melalui amalan seharian. Kemudian, ia disusun dalam bentuk ilmu, tetapi sukar untuk dipraktikkan kerana tidak ada cara praktikal khusus yang disusun oleh ulama. Maka dengan itu, sebahagian Ahli Sufi seperti Syeikh Junaid al Baghdadi, Sariyy al Saqati, al Harraz dan ulama yang lain mengumpulkan murid-murid mereka untuk mengajar mereka sistem pentarbiahan secara praktikal.

Buat pertama kalinya di dalam Islam, Ahli Sufi membentuk kumpulan-kumpulan sufi atau madrasah sufi. Setiap madrasah mempunyai seorang syeikh, murid-murid dan asas-asas manhaj masing-masing yang berbeza di antara satu madrasah dengan madrasah yang lain. Di antara madrasah-madrasah tersebut ialah:

1. Al Muhasibiyah

Dinisbahkan kepada Abu Abdullah al Harith ibn Asad al Muhasibi r.a., dan asas tariqahnya ialah redha (wafat 243 H)

2. Al Qassariyyah

Dinisbahkan kepada Soleh Hamdun al Qassar r.a. dan tariqahnya berdiri di atas asas menzahirkan sifat mencela diri (wafat 271 H).

Asal bagi segala maqam ialah Taubat dan hal yang terhasil daripadanya ialah Mahabbah (cinta). Maqam yang ke-2 ialah Wara' dan hal yang terhasil daripadanya ialah Syauq (rindu). Maqam yang ke-3 ialah Zuhud dan hal yang terhasil daripadanya ialah Haibah (tetap hati dan anggotanya mengadap Allah ketika dizahirkan Kebesaran dan Keagungan Allah). Maqam yang ke-4 ialah Sabar dan hal yang terhasil daripadanya ialah Uns (berjinak-jinak dan bermesra-mesra dengan Tuhannya). Maqam yang ke-5 ialah Faqir (sentiasa menadahkan hajatnya kepada Allah dan tidak kepada yang lain) dan hal yang terhasil daripadanya ialah Qurb (hampir kepada Allah). Maqam yang ke-6 ialah Syukur dan hal yang terhasil daripadanya ialah Haya' (malu kepada Allah kerana zahir di dalam hatinya kebesaran dan kehebatan Allah). Maqam yang ke-7 ialah Khauf (takut) dan hal yang terhasil daripadanya ialah Mabuk dalam mencintai Allah. Maqam yang ke-8 ialah Raja' (harap) dan hal yang terhasil daripadanya ialah Wusul (tidak menyaksikan sesuatu melainkan Allah). Maqam yang ke-9 ialah Tawakkal dan hal yang terhasil daripadanya ialah Fana' (ghaib daripada selain Allah disebabkan musyahadahnya yang berkekalan terhadap Allah). Maqam yang ke-10 ialah Redha dan hal yang terhasil daripadanya ialah Baqa' (berkekalan musyahadahnya terhadap Allah). Lihat Qotr al Ghaithiyyah fi Ilmi al Sufiyyah karangan Syeikh Husin Nasir ibn Muhammad Taib al Banjari H: 41-42.

3. Al Taifuriyyah

Dinisbahkan kepada Abu Yazid al Taifur ibn Isa al Bastami r.a. dan tariqahnya dibangun di atas asas mabuk di dalam kecintaan (wafat 261 H)

4. Al Sahliyyah

Dinisbahkan kepada Sahl ibn Abdullah al Tusturi r.a. Beliau membangunkan tariqahnya di atas asas riyadhah (latihan) dan mujahadah (wafat 282 H)

5. Al Hakimiyah

Dinisbahkan kepada Abu Abdullah Muhammad ibn Ali al Hakim al Tirmizi r.a. Beliau membangunkan mazhabnya di atas asas kewalian (wafat 285 H)

6. Al Kharraziyyah

Dinisbahkan kepada Abu Sa'id Ahmad ibn Isa al Kharraz r.a. (wafat 279 H)

7. Al Junaidiyyah

Dinisbahkan kepada Abu al Qasim al Junaid ibn Muhammad al Baghdadi r.a. (Wafat 291 H)

8. Al Nuriyyah

Dinisbahkan kepada Abu al Hasan Ahmad al Nuri (wafat 295 H)

9. Al Khafifiyyah

Dinisbahkan kepada Abu Abdullah Muhammad ibn Khafif r.a. (wafat 371 H)

10. Al Sayyariyyah

Dinisbahkan kepada Abu al 'Abbas al Qasim ibn al Qasim ibn Mahdi al Sayyar (wafat 342 H)

Menurut Syeikh al Hujwiri, setiap aliran tariqah mempunyai manhaj dan pandangan yang tersendiri dan berbeza-beza di antara satu tariqah dengan tariqah yang lain. Walau bagaimanapun, dalam perkara usul agama dan tauhid, mereka mempunyai pandangan yang sama. Ini membuktikan, betapa luasnya penyebaran pengaruh tariqah pada zaman itu.

Kesimpulannya, kandungan dan konsep ilmu tasawwuf telah wujud pada zaman Rasulullah s.a.w. dan sahabat ﷺ, tetapi istilah-istilah ini belum lagi digunakan dalam amalan mereka. Pada zaman tersebut, tasawwuf merupakan sifat umum yang terdapat pada hampir seluruh sahabat r.a. tanpa terkecuali. Kekuatan cahaya nubuwah dan hidayah kerasulan yang ada pada masa itu, menyebabkan mereka tidak memerlukan kepada satu bentuk yang khusus, berkenaan cara-cara menjalani perjalanan menuju kepada Allah. Namun konsep tariqah telah pun ada dan dihayati oleh Baginda s.a.w. dan sahabat-sahabat Baginda s.a.w. kerana perjalanan dan konsep tariqah itu sendiri adalah cedokan daripada Islam dan merupakan jalan menuju kepada Allah.

KEPENTINGAN TARIQAH DAN TASAWWUF

Sesungguhnya pentaklifan syariat yang diperintahkan secara khusus kepada manusia itu kembali kepada dua bahagian:

1. Hukum-hakam yang berkaitan dengan amalan zahiriah
2. Hukum-hakam yang bersangkutan dengan amalan batiniah

Ataupun dalam erti kata lain, hukum-hakam yang bersangkutan dengan anggota badan manusia dan amalan yang bersangkutan dengan hati.

Amalan jasad itu terbahagi kepada dua jenis; yang berbentuk suruhan seperti solat, zakat, haji dan lain-lainnya, dan juga larangan seperti membunuh, berzina, mencuri, minum arak dan sebagainya.

Amalan hati juga terbahagi kepada dua; yang berbentuk suruhan seperti beriman dengan Allah, Malaikat, hari Kiamat, Kitab-kitab dan Rasul-rasulNya. Begitu juga ikhlas, redha, benar,

khushy', bertawakkal dan sebagainya. Manakala yang berbentuk larangan seperti kufur, munafiq, takabbur, ujub, riya', menipu, hasad dan dengki.

Bahagian kedua iaitu yang bersangkutan dengan hati lebih penting daripada bahagian pertama di sisi Allah, sekalipun tidak dinafikan kesemuanya adalah penting kerana batin adalah asas atau punca bagi yang zahir. Kerosakan yang berlaku pada batin akan mencacatkan atau menjejaskan nilai amalan zahir. Oleh yang demikian Allah ﷻ berfirman:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ

بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

“Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.”³³

Bahkan juga, Rasulullah s.a.w. banyak memfokuskan perhatian sahabat kepada memperbaiki hati dan menjelaskan kepada mereka bahawa kebaikan seseorang insan itu terhenti kepada kebaikan hatinya dan terselamatnya hati itu daripada penyakit-penyakit yang tersembunyi, sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ .

³³ Al Kahfi: 110.

“Ingatlah, sesungguhnya di dalam jasad itu terdapat seketul daging. Apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak maka rosaklah seluruh jasad. Sesungguhnya ia adalah hati.”

Rasulullah s.a.w. juga menegaskan bahawa tempat jatuhnya pandangan Allah kepada hambaNya ialah hati.

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَىٰ أَجْسَادِكُمْ وَلَا إِلَىٰ صُورِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَىٰ قُلُوبِكُمْ

“Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada jasad kamu, atau pun lahiriah kamu tetapi Dia memandang kepada hati-hati kamu.”³⁴

Selama mana kebaikan seseorang itu bersangkutan paut dengan kebaikan hatinya yang menjadi punca amalan zahirnya, maka wajiblah ke atasnya melakukan amalan yang boleh memperbaiki hatinya dengan mengosongkannya daripada sifat-sifat terkeji yang dilarang oleh Allah dan menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji yang diperintahkan oleh Allah. Maka ketika itu, hatinya akan berada dalam keadaan sejahtera dan betul, dan pemiliknya akan tergolong di kalangan orang yang berjaya dan terselamat pada hari yang tiada manfaat harta benda dan anak isteri melainkan orang yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera.

Imam Jalaluddin al Suyuti r.a. berkata: “Adapun tentang ilmu hati dan mengenal penyakit-penyakitnya seperti hasad, ujub, riya’ dan sebagainya, Imam Ghazali r.a. menyatakan bahawa ia adalah fardhu ‘ain.”³⁵

Membersihkan hati dan mendidik jiwa merupakan di antara perkara fardhu ‘ain yang terpenting dan perintah Allah yang paling

³⁴ Riwayat al Bukhari di dalam kitab al Iman, dan juga Muslim di dalam kitab al Masaqah, daripada Nu'man bin Basyir.

³⁵ Al Suyuti, Al Asybah wa al Nazair H: 504.

wajib, berdasarkan ayat al Quran, hadith Nabi s.a.w. dan perkataan ulama:

1. Al-Quran

Allah S.W.T. berfirman:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ

“Katakanlah: “Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi.”³⁶

FirmanNya lagi:

وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ

“Dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan yang terang daripadanya dan yang tersembunyi.”³⁷

Kejahatan-kejahatan batin ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli Tafsir seperti hasad, riya' dan munafiq.

2. Hadith

Semua hadith yang didatangkan menegah daripada bersifat hasad, takabbur, riya. Begitu juga hadith-hadith yang menyuruh menghiasi diri dengan akhlak dan pergaulan yang baik.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

³⁶ Al A'raf: 33.

³⁷ Al An'am: 151

الإِيمَانُ بِضَعٌ وَسَبْعُونَ شُعْبَةً: فَأَعْلَاهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَدْنَاهَا
إِمَاطَةُ الْأَدْيِ عَنِ الطَّرِيقِ، وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ .

“Iman itu mempunyai lebih daripada 70 cabang. Maka yang paling tinggi ialah ucapan “Tiada Tuhan melainkan Allah”, dan yang paling rendah ialah membuang perkara yang menyakitkan dari jalan, dan malu adalah satu cabang dari iman.”

Maka kesempurnaan iman bergantung kepada kesempurnaan cabang ini dan hiasannya. Penambahannya bergantung kepada penambahan sifat-sifat ini dan begitu juga pengurangannya. Sesungguhnya penyakit-penyakit batin sudah mencukupi untuk memadam amalan-amalan seseorang insan sekalipun banyak.

3. Pendapat Ulama

Ulama mengira penyakit-penyakit hati adalah dosa-dosa besar yang perlu dilakukan taubat tersendiri. Berkata pengarang kitab **Jauharah al Tauhid**:

وَأَمْرٌ يُعْرِفُ وَاجْتِنَابُ نَمِيمَةٍ * وَغَيْبَةٌ وَخَصَلَةٌ دَمِيمَةٌ

كَالْعُجْبِ وَالْكِبْرِ وَدَاءِ الْحَسَدِ * وَكَالْمُرَاءِ وَالْجِدْلِ فَاعْتَمِدْ

“Suruhlah melakukan kebaikan dan jauhilah perbuatan mengadu domba, mengumpat, dan perkara keji;

Seperti ujub, takabbur dan penyakit hasad, riya’ dan gemar berdebat, maka berpegang teguhlah.”

Berkata pensyarah kitab ini mengenai perkataan penyair:
(خَصْلَةٌ دَمِيمَةٌ) maksudnya, jauhilah segala unsur-unsur yang tercela

di sisi syara'. Penulis mengkhususkan sebutannya tentang perkara ini kerana mengambil berat dengan keaiban-keaiban nafsu. Kekalnya sifat tercela pada diri seseorang yang memperelokkan zahirnya, samalah seperti orang yang memakai pakaian yang cantik dan elok pada badan yang mempunyai kotoran. Begitu juga dengan sifat ujub iaitu memandang besar ibadah yang dikerjakannya sepertimana seorang abid yang ujub dengan ibadahnya dan orang alim dengan ilmunya. Maka ini adalah haram sepertimana riya'.³⁸

Tasawwuf juga menjadikan seseorang mengetahui tentang keaiban dan penyakit hatinya.

Sesungguhnya tasawwuf ialah suatu perkara yang dkhhususkan oleh Allah untuk merawat penyakit-penyakit hati, membersihkan hati dan menyucikan diri dari sifat-sifat kekurangan.

Ibnu Zakwan berkata tentang faedah tasawwuf dan kepentingannya:

عِلْمٌ بِهِ تَصْفِيَةُ الْبَوَاطِنِ ** مِنْ كَدَرَاتِ النَّفْسِ فِي الْمَوْطِنِ

"Ia adalah suatu ilmu yang dengannya menyucikan perkara-perkara batin; daripada kotoran-kotoran diri yang ada di dunia."

Berkata al Allamah al Manjuri di dalam mensyarahkan bait ini: Tasawwuf ialah ilmu yang diketahui dan dikenali dengannya cara membersihkan batin daripada kekotoran nafsu. Iaitu daripada keaiban dan sifat-sifatnya yang tercela seperti hasad dengki, tipu, sukakan pujian, bersifat takabbur, riya' pamarah, tamak, bakhil,

³⁸ Syarah al Jauharah Imam al Baijuri H: 120-122. Beliau wafat pada 1277 H.

memuliakan orang-orang kaya dan menghina orang-orang miskin kerana ilmu tasawwuf ialah ilmu bagi mengkoreksi keaiban, merawatnya dan menunjukkan jalan praktikalnya. Maka dengan ilmu tasawwuf, akan menjadikan seseorang itu berjaya mengharungi rintangan-rintangan nafsu dan menyucikan dirinya daripada tingkah lakunya yang keji dan sifat-sifatnya yang buruk sehingga seseorang itu dapat mengosongkan hatinya daripada selain Allah dan menghiasinya dengan zikrullah. Menghiasi diri dengan sifat-sifat yang sempurna, seperti bertaubat, bertaqwa, istiqamah, sidq, ikhlas, zuhud, wara', tawakkal, redha, taslim, beradab, mahabbah, berzikir dan muraqabah. Maka dengan sifat-sifat kesempurnaan ini, seseorang sufi itu akan tergolong di kalangan pewaris nabi dari sudut ilmu dan amalannya.

Dari sinilah terserlahnya kepentingan tasawwuf dan faedahnya. Sesungguhnya ia adalah ruh dan jantung agama Islam yang berdenyut kerana tidaklah agama ini hanya dengan amalan-amalan zahir.

Berkata Hujjah al Islam al Imam al Ghazali r.a.:

“Masuk ke dalam jalan sufi adalah fardhu ‘ain kerana tiada seorang pun yang terselamat daripada keaiban dirinya melainkan para Nabi a.s..”³⁹

³⁹ Fadhilah Syeikh Abdul Qadir Isa, Haqaiq ‘an al Tasawwuf H: 26-35.

KEPERLUAN KEPADA TARIQAH DAN TASAWWUF PADA ERA MASA KINI



Ahli sufi meyakini bahawa seseorang manusia tidak akan dapat keluar dari penjara kebendaan, melainkan dengan kembali kepada kejernihan hati, kemantapan rohani dan nilai-nilai positif lain; yang menjadi bahan pentarbiahan ahli sufi kepada anak-anak murid mereka selama ini.

Tasawwuf dan tariqah berpegang kepada roh agama dan permata aqidah. Bersesuaian dengan perkara tersebut, Dr. Sa'duddin Sayyid Soleh menulis suara hatinya di dalam kitabnya **Musykilaat al Tasawwuf al Mu'asir** dengan menyatakan:

“Kami amat memerlukan kepada tasawwuf Islam yang terbit dari al Quran dan Sunnah, terutamanya pada zaman materialistik ini; yang melazimkan kita menghadapinya dengan pemikiran yang lebih cenderung kepada tuntutan rohani daripada tuntutan jasmani.⁴⁰

⁴⁰ Syeikh Fauzi ibn Muhammad Abu Yazid, al Sufiyah wa Hayah al Mu'aasarah H: 4.

Keperluan Kepada tasawwuf dan tariqah secara umum:

1. Menularnya gaya pemikiran dan tabiat mementingkan kebendaan dalam kehidupan manusia. Seseorang tidak akan dapat keluar dari kemelut ini, melainkan jika dia menghadapinya dengan gaya pemikiran sebaliknya, di samping memperkuat rohani, memantapkan suluk dan merebahkan keinginan syahwat dengan jalan tasawwuf dan tariqah dan suka untuk melakukan ketaatan agama.
2. Tasawwuf dan tariqah mengamalkan konsep kejernihan dan kesucian hati dari sebarang kekotoran serta menggalakkan individu menghiasi diri dengan perhiasan akhlak yang mulia dan mujahadah melawan nafsu.
3. Sesungguhnya, 90% daripada umat Islam dalam beberapa kurun yang lalu mempunyai hubungan yang rapat dengan tasawwuf dan ahlinya. Penumpuan terhadap tasawwuf sama ada dengan belajar atau mengadakan hubungan dengan ahlinya akan menyampaikan seseorang murid kepada persekitaran dan kedudukan yang tidak mampu dicapai oleh orang lain.
4. Sistem pentarbiahan Islam amat dituntut dan diperlukan pada masa kini. Tidak disyaki lagi, bahawa ahli sufi merupakan orang yang berpengalaman dalam arena pentarbiahan, sebagaimana tasawwuf yang mampu memainkan peranan membentuk seorang Muslim yang sempurna dalam setiap aspek.

Malah pada zaman ini, peranan tasawwuf amat penting dalam mendepani arus materialistik. Seajar dengan itu, Ustaz Said Hawwa mengemukakan di dalam kitabnya **Tarbiyatuna al Ruhiyyah** H:13 dengan katanya:

Sesungguhnya zaman kami ini adalah zaman kesyahwatan, kerosakan dan kebendaan yang mesti dibanteras dengan alternatif yang lain. Dengan tegasnya, saya menyatakan

sesungguhnya hanyalah pentarbiahan tasawwuf yang boleh dijadikan alternatif untuk mengatasi permasalahan ini. Syahwat tidak akan dapat dibanteras dengan nasihat atau kata-kata sahaja, tetapi ia mesti dibanteras dengan penampilan sikap, persekitaran yang baik dan pentarbiahan. Manakala kecintaan kepada kebendaan tidak akan dapat dipadamkan dengan kata-kata sahaja tetapi hendaklah dipadamkan dengan perasaan dan kemanisan iman. Penderhakaan dan pelampauan tidak dapat diubahi hanya dengan kata-kata tetapi ia dapat diubahi dengan merendahkan diri kepada Allah, ketaqwaan, kewara'an dan adab. Inilah jalan amali (praktikal) iaitu tasawwuf.⁴¹

⁴¹ Syeikh Fauzi ibn Muhammad Abu Yazid, *al Sufiyyah wa Hayah al Mu'asarah* H: 3,4.

KEWAJIPAN BERTASAWWUF DAN BERTARIQAH

Berkata Syeikh Abdullah ibn al Siddiq al Ghumari r.a. di dalam **Husn al Talattuf fi Bayan Wujub Suluk al Tasawwuf** :

Menjalani jalan tariqah dan tasawwuf adalah **WAJIB**. Tidak akan sempurna agama seseorang, melainkan dengan menjalani jalan Tasawwuf. Penjelasan tentang sebab-sebabnya:

1. Maqam **ihsan** merupakan salah satu dari rukun agama yang tiga. Ia terbina dari hadith Jibril a.s. yang panjang:

Diriwayatkan daripada Umar r.a., katanya:

Pada suatu hari, sedang kami duduk di sisi Rasulullah s.a.w., tiba-tiba datang kepada kami seorang lelaki yang sangat putih kainnya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda orang yang sedang dalam perjalanan, dan tidak seorang pun di kalangan kami yang mengenalinya sehingga dia duduk berdekatan dengan Nabi s.a.w.. Lalu dia menyandarkan kedua belah lututnya kepada kedua belah lutut Nabi s.a.w., dan meletakkan kedua belah tapak tangannya ke atas kedua belah peha Nabi s.a.w..

Kemudian dia berkata, "Wahai Muhammad! Khabarkanlah kepadaku tentang Islam."

Maka Rasulullah s.a.w. menjawab, "Islam itu ialah kamu mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji di Baitullah jika kamu berkemampuan untuk sampai ke sana."

Lelaki itu berkata, "Benarlah kamu!."

Maka kami pun tercengang kerana dia yang bertanya dan dia pula yang membenarkannya.

Dia berkata lagi, "Maka khabarkanlah kepadaku tentang Iman."

Rasulullah s.a.w. menjawab, "Iman itu ialah bahawa kamu beriman kepada Allah, malaikatNya, kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, hari kemudian dan taqdir baik dan burukNya."

Dia berkata, "Benarlah kamu."

Kemudian dia bertanya lagi, "Sekarang, khabarkanlah kepadaku mengenai Ihsan."

Rasulullah s.a.w. menjawab, "Ihsan itu ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, tetapi jika kamu tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu."

Akhirnya dia berkata (meneruskan pertanyaannya lagi), "Maka khabarkanlah kepadaku mengenai hari Kiamat."

Rasulullah s.a.w. menjawab, "Tidaklah orang yang ditanya lebih mengetahui daripada orang yang bertanya."

Kalau begitu, katanya, khabarkan kepadaku akan tanda-tandanya sahaja. Rasulullah s.a.w. menjawab, "Tanda-tandanya ialah apabila hamba-hamba telah melahirkan tuannya dan kamu

melihat orang-orang yang tidak berkasut, tidak berpakaian, miskin, penggembala kambing (berbangga-bangga) menegakkan dan meninggikan binaan.”

Kemudian dia pun pergi, lalu aku terdiam beberapa lama.

Setelah itu, Rasulullah s.a.w. bertanya, “Wahai Umar! Adakah kamu mengetahui siapakah orang yang bertanya tadi?”

Aku berkata, “Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui.”

Rasulullah s.a.w. bersaba, “Sesungguhnya itulah Jibril yang datang kepada kamu untuk mengajar kepada kamu tentang agama kamu.”⁴²

Tidak disyaki lagi, agama Islam mewajibkan pengikutnya memenuhi semua rukun agama iaitu **Iman, Islam dan Ihsan**.

Perkara ini disebut dalam salah satu daripada fatwa Syeikh Sayyid Muhammad ibn al Siddiq al Ghumari al Hasani⁴³:

Soalan yang pertama: Siapakah yang mengasaskan **tariqah** dan adakah ia diasaskan oleh wahyu?

Maka beliau menjawab: Ketahuilah, bahawa **tariqah** diasaskan oleh **Wahyu Samawi** yang menjadi asas-asas agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Tidak disyaki lagi, **tariqah** merupakan **maqam ihsan** yang menjadi salah satu daripada rukun agama yang tiga, sebagaimana yang disebut oleh Nabi s.a.w. Selepas dijelaskan oleh Baginda J satu persatu, maka Baginda J bersabda:

⁴² Diriwayatkan oleh Muslim, lihat Sohih Muslim bi Syarh al Nawawi Jilid: 1, H: 131-133, hadith no: 8.

⁴³ Beliau merupakan syeikh bagi kumpulan ulama' di Morocco. Wafat pada tahun 1354 Hijrah.

فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَنَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ

“Itulah Jibril yang datang untuk mengajar kamu tentang agama kamu.”

Tujuan atau mesej seruan **tariqah** yang sebenar ialah untuk mencapai kedudukan **Ihsan** selepas mantapnya **Islam** dan **Iman**, supaya orang yang memasuki **tariqah** dapat mengecapi ketiga-tiga maqam agama ini yang akan menjamin kebahagiaan yang berkekalan di dunia dan akhirat. **Tariqah** juga menjamin orang-orang yang mengecapi jalan ini kesempurnaan agama, sebagaimana hadith yang menerangkan tentang ketiga-tiga rukun agama tersebut. Sesiapa yang mencuaikan maqam Ihsan iaitu tariqah yang menjadi salah satu daripada rukun agama, tidak disyaki lagi akan cacat dan tidak sempurna agamanya.

Oleh kerana inilah, para pentahqiq telah mengeluarkan kenyataan tentang kewajipan memasuki **tariqah** dan menjalani jalan tasawwuf sebagai **FARDHU AIN**⁴⁴. Mereka juga telah mendatangkan dalil-dalilnya, sama ada dalil **aqli** atau **naqli** (al Quran dan Sunnah) dan kami tidak berhajat untuk mengemukakannya sekarang ini.

⁴⁴ Berkata Syeikh Abdullah al Talidi: Ini merupakan masalah yang telah disepakati di antara ahli sufi. Al Tayyibi berkata: Ahli Tariq telah bersepakat tentang kewajipan seseorang manusia mengambil syeikh untuknya.

Al Ghazali pula berkata: Memasuki jalan sufi adalah fardhu ain, kerana tidak ada seorang manusia pun yang terlepas daripada sebarang keaiban dan penyakit (hati). Manakala Abu Ali al Saqafi pula menyatakan: Sekiranya seorang lelaki menghimpunkan ilmu-ilmu dan kemudian berdamping dengan kumpulan manusia, pasti tidak akan sampai kepada kedudukan rijal (orang yang sempurna) melainkan dengan mengikuti latihan daripada seorang syeikh yang mengajar adab dan boleh memberikan nasihat. Nas mengenainya adalah banyak. Mereka menghukumkan bahawa mengambil seseorang syeikh adalah fardhu ain, kerana merealisasikan keikhlasan dan ubudiyah yang sebenar adalah wajib. Hal yang demikian tidak akan tercapai, melainkan dengan mendampingi syeikh yang arif. Di dalam kaedah feqah menyatakan: Apabila sesuatu kewajipan tidak akan sempurna melainkan dengannya, maka ia menjadi wajib. Lihat al Mutrib bi Masyahir Awliya' al Maghrib H: 18.

Al Quran telah menerangkan tentang hal keadaan tasawwuf dan **tariqah** yang mencakupi semua bidang tersebut. Di dalam al Quran membicarakan tentang **muraqabah** (merasakan pengawasan Allah terhadap hambaNya), **muhasabah**, **taubat**, **inabah**⁴⁵, **zikir**, **tafakkur**, **mahabbah** (kasih), **tawakkal**, **redha**, menyerah diri, zuhud, sabar, mendahulukan orang lain, benar, mujahadah dan melawan hawa nafsu. Dibincangkan juga tentang nafsu **lawwamah**, **ammarah**, **mutmainnah**, serta **auliya**, orang-orang soleh, ahli **siddiqin** dan perkara-perkara lain. Perkara yang disebut oleh al Quran inilah yang menjadi perbincangan ahli tasawwuf dan **tariqah**. Oleh kerana itu, ketahuilah dan telitilah kerana ia sangat berharga.

2. Tasawwuf merupakan suatu ilmu yang menitik beratkan perbincangan tentang penyakit hati. Ia juga membincangkan tentang cara-cara mencegah penyakit hati dan mengubatinya untuk sampai kepada kedudukan yang sempurna. Ini termasuk di dalam makna firman Allah dalam surah al Syams ayat 9:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾

“Sesungguhnya telah berjaya orang-orang yang dapat membersihkan dirinya.”

Tidak disyaki lagi, bahawa mencegah diri daripada penyakit dan kotorannya merupakan perkara yang diwajibkan oleh syara' dan dipandang baik oleh akal yang sejahtera. Sekiranya tidak sedemikian, kenapakah terdapat perbezaan di antara manusia dan haiwan?

⁴⁵ Inabah ialah peringkat taubat yang kedua atau pertengahan. Menurut Abu Ali al Daqqaq: Setiap orang bertaubat kerana takutkan balasan azab, dipanggil ahli Taubat. Orang yang bertaubat kerana inginkan balasan pahala, dipanggil ahli Inabah dan orang yang bertaubat tetapi bukan kerana inginkan pahala atau takutkan balasan azab, dinamakan ahli Awwab. Lihat al Risalah al Qusyairiyah karangan Imam al Qusyairi H: 94.

3. Tasawwuf mengambil berat terhadap pentarbiahan dan penyucian akhlak. Ia juga menumpukan perhatian terhadap gesaan supaya meninggalkan hawa nafsu, mengambil perkara-perkara **azimah**⁴⁶, mengekang nafsu daripada kejahatan syahwat sehingga seseorang akan berasa seronok untuk melakukan ketaatan akibat kelazatan yang dirasai pada ruh atau dalamannya dan memandang kecil terhadap keseronokan yang lain, walau sebesar mana pun kadarnya.

4. Tasawwuf merupakan akhlak para sahabat, tabi'en dan salafus soleh yang diperintahkan supaya diikuti dan diambil petunjuk.

Syeikh Sayyid Muhammad ibn al Siddiq al Ghumari al Hasani r.a. menjelaskan hal ini di dalam fatwanya bagi menjawab persoalan kenapakah tariqah diasaskan. Beliau menyatakan, jawapannya telah diketahui di dalam jawapan yang lepas, kerana tasawwuf merupakan sebahagian daripada agama, bahkan ia juga merupakan rukun agama yang tertinggi yang diambil daripada wahyu. Sahabat r.a. pula, sepertimana yang dikhabarkan kepada kami secara mutawatir bersegera melaksanakan perintah Allah. Lebih penting daripada itu, mereka (Sahabat) merupakan orang yang pertama memasuki alam tasawwuf dan beramal dengan amalan-amalannya, merasai rahsia-rahsianya dan kelazatan buah amalan tariqah.

Oleh yang demikian, Sahabat r.a. tergolong di kalangan orang-orang yang zuhud di dunia, bermujahadah melawan nafsu, mengasihi Allah, Rasul dan negara Akhirat. Mereka juga bersifat sabar, di samping mementingkan orang lain daripada diri sendiri, redha, tunduk kepada perintah Allah dan berakhlak dengan akhlak yang disukai oleh Allah dan RasulNya yang menyampaikan

⁴⁶ Azimah pada istilahnya ialah hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. pada permulaan supaya ia menjadi undang-undang umum bagi setiap mukallaf dalam semua keadaan seperti sembahyang, zakat, puasa dan sebagainya. Lawannya ialah rukhsah iaitu kelonggaran yang Allah berikan kepada hambaNya dalam urusan syariat disebabkan perkara-perkara tertentu seperti dibolehkan berbuka puasa ketika bermusafir.

mereka kepada Allah dan Rasul s.a.w.. Akhlak dan amalan yang mereka amalkan inilah yang disebut sebagai **Tasawwuf** dan **Tariqah**.

Sebagaimana para Sahabat r.a. berada dalam keadaan dan akhlak yang mulia, begitu jugalah pengikut-pengikut mereka (**tabi'en**), sekali pun mereka tidak dapat menyamai kedudukan para Sahabat di dalam perkara ini. Demikian juga zaman **tabi' tabi'en** dan zaman seterusnya, sehingga muncul perkara **bid'ah** dan mereka menjadi malas untuk beramal dan senario berlumba-lumba mengejar dunia dan dorongan nafsu hidup semula. Setelah itu, mereka berusaha semula untuk menghidupkan jiwa yang telah mati, tetapi hati mereka lambat dan sukar untuk menerima cahaya. Kemudian berlaku pula fitnah dan kerosakan dalam agama hingga kebenaran hampir tenggelam dan diterbalikkan.

Perkara ini bermula pada akhir kurun pertama Hijrah dan ia berterusan tahun demi tahun hingga sampai ke tahap yang dibimbangi oleh **salafussoleh** tentang berlaku musibah kepada agama. Untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, ulamalah yang menjadi wakil untuk berusaha menjaga dan memelihara agama. Maka sekumpulan daripada mereka bangun untuk menjaga kedudukan Islam dan menulis permasalahan cabang agama dan kaedah-kaedahnya (**feqah**). Manakala kumpulan ulama yang lain, bangun untuk menjaga kedudukan iman, menulis usul agama dan kaedah-kaedahnya (**tauhid**) sebagaimana yang terdapat di sisi **salafussoleh** mereka. Manakala kumpulan ulama yang lain, bangun menjaga kedudukan **ihsan** dan menulis amalan-amalannya dan keadaannya (**tasawwuf**).

Kumpulan yang pertama (**feqah**) ialah imam-imam yang empat (Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafi'i, dan Imam Ahmad) dan pengikut-pengikut mereka.

Manakala kumpulan yang kedua (**tauhid**) ialah Imam Abu Hasan al Asy'ari r.a., syeikh-syeikh dan sahabat-sahabatnya dan golongan yang ketiga (**tasawwuf**) ialah Imam al Junaid r.a., syeikh-syeikh dan sahabat-sahabatnya.

Oleh hal yang demikian, Imam al Junaid r.a. bukanlah pengasas **tariqah** kerana sebagaimana yang telah disebutkan bahawa **tariqah** merupakan wahyu daripada Allah. **Tariqah** dinisbahkan kepadanya, kerana beliau merupakan orang yang telah mengambil inisiatif menjaga kaedah **tariqah** dan usulnya serta menyeru manusia untuk beramal dengannya.

Penyusunan metodologi ilmu ini dilakukan, apabila munculnya fitnah dan terjadinya kerosakan dalam agama. Oleh sebab itu, perkara **aqidah** dinisbahkan kepada **al Asy'ari, feqah** dinisbahkan kepada **imam feqah yang empat**, sekali pun pada hakikatnya kesemua ilmu tersebut datang atau bersumberkan daripada wahyu Allah.

Dari sini juga dapat diketahui dengan lebih jelas, bahawa apa yang dinamakan sekarang ini sebagai tasawwuf dan **tariqah**, tidak terkeluar daripada pegangan dan amalan Sahabat dan **tabi'en**, akhlak yang mulia dan sifat-sifat yang baik dan digesa oleh Allah dan RasulNya supaya berakhlak dengannya. Terdapat banyak ayat al Quran dan Hadith yang memuji orang-orang yang berakhlak dengan akhlak tersebut.

5. Dalam menjalani sesuatu **tariqah**, seseorang murid akan bersuhbah atau berdamping dengan syeikh yang sempurna dan mengikuti mereka serta mengambil petunjuk daripada mereka. Hal yang demikian, telah diperintahkan oleh Allah S.W.T. sebagaimana firmanNya dalam surah Luqman ayat 15:

وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ^ع

“Dan turutilah jalan orang-orang yang merujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh).”

Allah S.W.T. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.”⁴⁷

Orang-orang yang benar ialah orang yang terpilih dari kalangan orang-orang yang beriman yang dimaksudkan oleh Allah melalui sabdanya:

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ ...

“Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam).”⁴⁸

Sesungguhnya suhbah memberikan kesan yang mendalam kepada pembentukan keperibadian, akhlak dan suluk seseorang. Orang yang dijadikan sebagai teman akan membentuk sifat-sifat temannya dalam memberi kesan dari sudut kerohanian dan juga ikutan amalan. Seseorang yang hidup bermasyarakat, secara tabi'inya sudah semestinya akan bercampur gaul dengan orang ramai dan ada di antara mereka yang menjadi teman dan taulannya. Sekiranya rakan yang dipilih terdiri daripada orang-orang yang melakukan kerosakan, kejahatan, kefasiqan dan pelaku jenayah maka sudah pasti akan merosakkan akhlaknya dan menurunkan prestasinya sedikit demi sedikit tanpa dia sedari sehingga sampai menjerumuskannya kepada golongan paling bawah.

Jika dia memilih sahabat yang terdiri daripada orang-orang yang kuat keimanan, ketaqwaan, istiqamah dan makrifahnya

⁴⁷ Al Taubah: 119.

⁴⁸ Al Ahzaab: 23.

dengan Allah, maka dalam masa yang singkat kedudukannya akan meningkat kepada kedudukan yang tinggi dan dia juga terkesan dengan akhlak-akhlak yang baik, iman yang mantap, sifat-sifat yang mulia, seterusnya akan dapat membebaskan dirinya daripada keaiban dirinya dan keburukan akhlaknya. Oleh kerana itulah dikatakan, dikenali atau diketahui akhlak seseorang itu dengan melihat kepada akhlak temannya.

Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. tidak mencapai kedudukan yang tinggi melainkan selepas mereka bersahabat dan duduk bersama Rasulullah s.a.w. Begitu juga tabi'en, mereka mencapai kemuliaan yang besar dengan berhimpun dan berdamping dengan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Begitulah seterusnya.

Maka jalan praktikal untuk membersihkan dan menghiasi diri dengan kesempurnaan akhlak ialah dengan bersahabat dengan pewaris sifat Muhammadi dan mursyid yang benar, di mana bersahabat dengan mereka akan menambahkan keimanan, ketaqwaan dan keperibadian yang mulia. Dengan melaziminya dan menghadiri majlisnya juga akan dapat mengubati diri kita daripada penyakit-penyakit hati dan keaiban diri. Malah, akan terkesan dengan syakhsiahnya yang merupakan gambaran dari akhlak dan keperibadian Sayyiduna Rasulullah s.a.w.

Dari sini, menjelaskan kesalahan sangkaan pihak yang mengangka bahawa diri seseorang itu boleh mengubati penyakit hatinya sendirinya dan membersihkan dirinya daripada segala kecelaan dengan hanya membaca al Quran dan merujuk kepada hadith. Ini kerana al Quran dan hadith itu telah mengumpulkan bermacam-macam jenis ubat bagi bermacam-macam penyakit jiwa dan hati. Maka sudah tentu ia memerlukan seorang doktor yang berkebolehan dalam menentukan ubat-ubat tersebut dengan penyakitnya.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. mengubati hati-hati sahabatnya dan membersihkan diri mereka dengan perbuatan dan kata-katanya.⁴⁹

6. Dengan menjalani **tariqah** akan menerangkan **basirah** (pandangan mata hati) seseorang dan meninggikan himmah sehingga tidak ada yang terpaut di dalam hatinya melainkan Allah dan tidak ada baginya tempat pergantungan melainkan Allah.

Maka ia menjadi tempat simpanan rahsia daripada berpaling kepada manusia. Keinginannya kepada makhluk terangkat dan hanya Allah memadai baginya. Dia telah merealisasikan ilmu **hakikatnya** pada setiap keadaan dengan berpegang kepada **Syariat**, sama ada pada perkataan atau perbuatan. Inilah tuntutan tertinggi yang dikehendaki daripada seorang Mukmin. Hal yang demikian, telah diperkatakan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Ibnu Abbas r.a.:

كُنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ يَوْمًا فَقَالَ: يَا غُلَامُ إِنِّي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ
يَحْفَظُكَ، احْفَظِ اللَّهَ تَجِدَهُ تُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا
اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَأَعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ
بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ
يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ

⁴⁹ Fadhilah al-Syeikh Abdul Qadir Isa, Haqaiq 'an al-Tasawwuf H: 41-46.

وَجَفَّتِ الصُّحُفُ.

Pada suatu hari, aku berada di belakang Nabi s.a.w., lalu Baginda s.a.w. bersabda, "Wahai anak! Aku akan mengajar kamu beberapa perkataan. Peliharalah Allah⁵⁰, nescaya Allah akan memelihara kamu⁵¹. Peliharalah Allah, nescaya kamu akan mendapati Allah berada di hadapan kamu⁵². Apabila kamu meminta, maka pintalah kepada Allah. Apabila kamu memohon pertolongan, maka pohonlah pertolongan kepada Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya umat itu sekiranya mereka berkumpul untuk memberikan suatu manfaat kepada kamu, nescaya mereka tidak akan dapat memberikannya kepada kamu kecuali dengan sesuatu yang telah ditulis oleh Allah bagi kamu. Sekiranya mereka berkumpul untuk memberikan kemudharatan kepada kamu, tidaklah mereka dapat memberikannya melainkan dengan sesuatu yang telah ditulis oleh Allah bagi kamu. Telah diangkat segala pena dan telah keringlah pula segala buku (ketentuan Allah)."⁵³

⁵⁰ Maksudnya ialah memelihara hukum Allah, hakNya, perintah dan laranganNya dengan cara mengerjakan suruhan dan meninggalkan laranganNya yang bertepatan dengan syariat Islam.

⁵¹ Terdapat dua cara Allah memelihara dan menjaga hambaNya. Pertama: Allah memelihara urusan kehidupan hambaNya di dunia seperti memelihara badan, harta dan keluarganya daripada sesuatu kemudhratan. Kedua: Allah memelihara agama dan keimanan hambaNya daripada dinodai dan dikotori oleh semua perkara yang haram hingga ke akhir hayatnya dan ia mati dalam keadaan beriman. Inilah semulia-mulia pemeliharaan yang amat dikehendaki oleh orang-orang yang beriman.

⁵² Dengan memelihara hukum-hukum dan hak Allah S.W.T. sepertimana yang diperintahkan, akan menyebabkan bukan sahaja Allah akan memeliharanya tetapi ada di hadapannya; dengan maksud Allah sentiasa bersertanya di mana sahaja dia berada dengan pertolongan, penjagaan dan hidayahNya yang sentiasa memandu hamba tersebut ke jalan yang lurus. Orang yang mendapati Allah sentiasa bersamanya, akan sentiasa beroleh ketenangan, kegembiraan dan kekuatan. Tidak ada suatu pun selain Allah yang ditakutinya dan dicurigainya kerana Allah sentiasa bersamanya, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.J kepada Sayyiduna Abu Bakar r.a. di dalam gua ketika berada di dalam perjalanan menuju ke Madinah di dalam peristiwa Hijrah, "Apakah kamu menyangka kita hanya berdua? Sesungguhnya Allah menjadi yang ketiganya. Janganlah kamu berdukacita, kerana Allah sentiasa bersama kita."

⁵³ Diriwayatkan oleh Imam al Tirmizi. Beliau berkata bahawa hadith ini adalah hadith hasan sohih. Rujuk Tuhfat al Ahwazi bi Syarhi Jami' al Tirmizi Jld 7 H: 185 Hadith no.

Sahabat r.a. telah **berbai'ah** (berjanji) dengan Rasulullah s.a.w.. Di antaranya, Thauban r.a. iaitu hamba Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar al Siddiq r.a. sahabat Baginda s.a.w. bahawa mereka tidak akan meminta sesuatu pun kepada makhluk. Tujuannya (**berbai'ah**) adalah untuk memutuskan keinginan mereka kepada makhluk dan cukuplah Allah sebagai tempat berserah.

7. Dalam menjalani **tariqah**, seseorang akan mendampingi seorang **syekh mursyid** yang arif. Pentarbiahan syekh tersebut akan mengeluarkan seseorang murid daripada kekotoran dan kelalaian hati serta menjaganya daripada perkara-perkara yang menghalang untuk sampai kepada Allah, seperti kejahilan, penipuan dan mengikut dorongan hawa nafsu yang berada di dalam hati yang gelap dan terpadam cahayanya (untuk menyuluh jalan menuju kepada Allah).

Oleh yang demikian, Ibnu 'Atoillah r.a. telah berkata di dalam **Latoif al Minan**:

“Syekh kamu ialah orang yang mengeluarkan kamu dari penjara hawa nafsu dan masuk bersama-sama kamu kepada Allah. Syekh kamu juga ialah orang yang menggilap cermin hati kamu sehingga terbukanya cahaya-cahaya Tuhan kamu dan dia juga maju bersama kamu kepada Allah. Maka dia berjalan dengan kamu sehingga kamu sampai kepada Allah. Syekh kamu sentiasa bersama-sama kamu sehingga dia menemukan kamu di hadapan Allah. Maka dia menarik kamu ke dalam cahaya Hadhrat Ketuhanan dan berkata: Inilah kamu dan Tuhan kamu.”

2635. Dikeluarkan juga oleh Imam Ahmad di dalam Musnad no hadith 2669, al Hakim di dalam al Mustadrak (3/541), Abu Nu'aim di dalam al Hilyah (10/314). Hadith ini merupakan hadith yang ke-19 dalam Arba'in al Nawawiyah.

Disebut di dalam kitab Syarh al Jaradani: “Telah diangkat segala pena dan telah keringlah pula segala buku' bermaksud telah terhenti penulisan qalam (pena) mengenai taqdir Allah terhadap makhlukNya dan telah selesai penulisannya di Luh Mahfuz. Diriwayatkan, bahawa Allah S.W.T. berfirman kepada qalam, “Tulislah!” Jawab qalam, “Wahai Tuhan! Apa yang hendak aku tuliskan?” Firman Allah S.W.T., “Tulislah segala taqdir yang telah berlaku dan yang akan berlaku sehingga hari Kiamat.” Lihat Syarh al Jaradani 'ala al Arba'in Hadith al Nawawiyah karangan Muhammad Abdullah al Jaradani al Dimiyati al Syafi'i H:141-143.

Beliau juga berkata: Dengan mengikut seseorang wali yang ditunjuki oleh Allah, maka Allah akan menunjukkan kepada kamu sifat-sifat khusus yang dikurniakan kepada seseorang wali. Allah menghapuskan sifat-sifat kemanusiaan biasa wali tersebut (daripada pandangan kamu) untuk memperlihatkan kepadamu sifat-sifat khusus (kemuliaan) wali tersebut, sehingga dicampakkan ke dalam hati kamu rangsangan untuk mengikutnya. Maka wali tersebut, akan berjalan dengan kamu di atas jalan petunjuk, dia memperkenalkan kepada kamu tentang kebodohan dan kejelikan nafsu kamu selama ini. Dia menunjukkan kamu jalan untuk berhimpun dengan Allah dan mengajar kamu cara untuk melarikan diri daripada selain Allah. Dia juga berjalan bersama kamu pada jalan kamu sehingga kamu sampai kepada Allah dan juga menghentikan kamu daripada kejahatan dan keburukan diri kamu. Dengan mengetahui keburukan nafsu kamu, akan menyebabkan kamu lari dari nafsumu itu dan tidak lagi cenderung kepadanya.

Dia juga memperkenalkan kepada kamu sifat ihsan Allah terhadap kamu, menyebabkan kamu menghadapkan sepenuh jiwa dan raga kepadaNya, bangun untuk bersyukur kepadaNya, dan sentiasa merasa berada di hadapanNya pada setiap masa.

Sekiranya kamu berkata: Di manakah orang yang bersifat sedemikian? Sesungguhnya kamu telah menunjukkan kepadaku sesuatu yang terlalu ganjil untuk ditemui pada zaman ini!.

Ketahuilah, bahawa wujud atau tidaknya guru mursyid, bukanlah perkara penting yang diperlukan oleh kamu, tetapi apa yang diperlukan oleh diri kamu (untuk mendapatkan orang yang boleh membimbing ke jalan Allah yang mempunyai sifat-sifat yang disebutkan di atas) ialah kesungguhan dan keazaman yang benar untuk mendapatkannya. Dengan keinginan yang benar-benar jujur, kamu akan bertemu dengan guru mursyid tersebut.

Hal yang demikian dijelaskan di dalam dua ayat al Quran sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah al Naml ayat 62:

أَمَّنْ تُجِيبُ الْمُضْطَّرَّ إِذَا دَعَاهُ

“Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita (benar-benar berhajat) apabila ia berdoa kepadaNya?”

Firman Allah S.W.T. dalam surah Muhammad ayat 21:

فَلَوْ صَدَقُوا اللَّهَ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ

“Maka kalaulah mereka bersifat jujur kepada Allah, tentulah yang demikian itu amat baik bagi mereka.”

Sekiranya kamu benar-benar berhajat kepada insan yang akan menyampaikan kamu kepada Allah seperti orang yang kehausan berhajat kepada minuman dan orang yang takut berhajat kepada keamanan, maka kamu akan mendapati ia lebih dekat kepada kamu daripada keinginan kamu sendiri. Sekiranya kamu berhajat kepada Allah sebagaimana seorang ibu yang berhajat kepada anaknya ketika kehilangannya, nescaya kamu akan mendapati Allah lebih dekat pada kamu daripada diri kamu, permintaan kamu dimaqlulkan dan kamu akan mendapati perkara tersebut tanpa kepayahan. Hadapkanlah diri dan jiwa kamu kepada Allah yang akan memberikan kemudahan kepada kamu.

8. Dalam menjalani sesuatu **tariqah**, seseorang akan banyak berzikir kepada Allah dan mendapat bantuan dengan mendampingi seseorang syeikh. Tidak disyaki lagi, bahawa zikir itu menyucikan hati, mengajak kepada ketenangan sebagaimana firman Allah dalam surah al Ra'd ayat 28:

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

“Ketahuilah, dengan zikir mengingati Allah akan menenangkan dan mententeramkan hati-hati manusia.”

Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak pernah membataskan seseorang berzikir dengan had-had atau syarat-syarat tertentu, malah Allah membukanya dengan seluas-luasnya tanpa ada penghujungnya sebagaimana firmanNya dalam surah al Ahzaab ayat 41 dan 42:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ۖ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا

“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah), ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.”

Dari faktor-faktor yang telah kami sebutkan tadi, dan faktor-faktor lain yang tidak kami sertakan di sini, menunjukkan bahawa:

MENJALANI TASAWWUF ADALAH DITUNTUT DAN MASUK KE DALAM TARIQAH KUMPULAN TERSEBUT ADALAH PERKARA YANG DITUNTUT.

Kami tidak menafikan bahawa kedatangan orang-orang yang jahil dan bodoh telah memasuki ke dalam sesuatu **tariqah** dan mengambil **tariqah** hanya sebagai tangga atau batu loncatan untuk mencapai hajat dan kehendak nafsu mereka. Lalu mereka mencipta perkara-perkara **bid'ah** dengan sangkaan bahawa mereka adalah di kalangan orang yang benar. Mereka juga telah mengharuskan perkara yang diharamkan oleh syariat dan melakukan pelbagai penipuan.

Sesungguhnya syariat dan hakikat adalah satu. Syariat tidak langsung bertentangan dengan hakikat melainkan pada pandangan singkat orang-orang yang jahil. Orang yang seperti ini, tidak sedikit pun tergolong di dalam golongan ahli sufi, malah mereka merupakan orang pertama yang dijauhi oleh ahli-ahli sufi.

Lantaran itu, banyak berlaku penganiayaan dan fitnah terhadap tasawwuf dan ahli sufi. Antara penganiayaan yang nyata berlaku ialah orang ramai yang melihat perbuatan orang-orang jahil ini menjadikan mereka sebagai hujjah ke atas tasawwuf dan sufi. Hakikatnya, **tidaklah tasawwuf itu, melainkan suatu jalan yang mengikut landasan al Quran dan Sunnah dan tidaklah ahli sufi itu melainkan kaum yang bermujahadah menentang hawa nafsu mereka untuk menuju kepada Allah.**

Lantaran itu, Allah S.W.T. memberikan hidayahNya kepada mereka:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۗ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

“Dan orang-orang yang berusaha bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah, adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”⁵⁵

KESIMPULAN

Tasawwuf dan tariqah merupakan suatu ilmu yang menghidupkan semula kejernihan dan kegemilangan peradaban dan kesempurnaan Islam yang terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya r.a..

Hanya dengan mendidik diri di atas jalinan dan paduan yang erat di antara syariat, tariqah dan hakikat, seseorang salik akan mampu merebahkan segala cabaran dan melepasi rintangan untuk menggapai kesempurnaan di bawah **mardhatillah**. Pincanglah agama seseorang, jika salah satu daripadanya dipinggirkan.

Tasawwuf dan tariqah tidak pernah ada cacat celanya sebagaimana Islam yang indah dan sempurna. Maka sudah tentu, yang indah dan sempurna itu ada yang mencemburuinya dan cuba menodainya. Oleh kerana itulah, tasawwuf dan tariqah dihujani dengan pelbagai fitnah.

Syeikh Zaki Ibrahim a.s., telah membahagikan orang yang ada kaitan dengan tasawwuf kepada tiga golongan:

⁵⁵ Husn al Talattuf fi Bayan Wujub Suluk al Tasawwuf karangan al Allamah al Muhaqqiq al Sayyid Abdullah ibn Muhammad ibn al Siddiq al Ghumari al Hasani r.a..

1. Sufi

laitu orang yang telah berjaya menjalani dan menyelami jalan tasawwuf dengan mengikut perlembagaan tasawwuf yang bersumberkan al Quran dan Sunnah.

2. Mutasawwif

laitu orang yang sedang dalam perjalanan

3. Mutamaswif

laitu orang yang menjadikan tasawwuf sebagai batu loncatan untuk mendapatkan nikmat dunia.

Ketika munculnya golongan **mutamaswif** ini, tasawwuf dilontar dengan pelbagai fitnah hingga menjejaskan kedudukan tasawwuf. Oleh kerana itu, Imam Qusyairi r.a. telah bangkit mempertahankan tasawwuf dengan menulis panduan-panduan untuk mengenal Ahli Sufi yang sebenar di dalam bukunya yang bertajuk **Risalah al Qusyairiyyah**. Begitu juga Imam Abdul Wahhab al Sya'rani r.a, telah menulis kitab yang bertajuk **Tanbih al Mughtarrin** yang memberikan penjelasan berkaitan sifat-sifat sufi yang sebenarnya.

Yang pastinya, permata yang tulen, tetap tidak akan sama dengan permata tiruan. Yakinlah atas pancaran cahaya Nubuwwah dan risalah Muhammadiyah, tasawwuf dan tariqah tetap akan utuh dan menjadi impian setiap fitrah yang sejahtera.

Tidak ada jalan lain untuk menuju ke mercu kejayaan dalam bertasawwuf dan bertariqah, melainkan dengan keazaman yang membulat, keyakinan yang teguh dan kejujuran yang tulus mulus.

Menjaga tasawwuf dan tariqah bermakna menjaga agama. Kita tidak seharusnya bersikap zalim terhadap pemuka-pemuka tasawwuf dan tariqah yang telah berjuang bermati-matian demi

menyemarakkan cahaya Islam dan mempertahankan ketinggian agama. Kita seharusnya mengambil sikap meneutralkan segala tohmahan bagi menanggapi permasalahan ini.

Sesungguhnya tiada siapa yang dapat menandingi Ahli Sufi kerana mereka adalah rijal-rijal Allah di atas permukaan bumi ini, yang sentiasa menjunjung al Quran dan Sunnah.

Saya memohon kepada pembaca sekalian, agar meninggalkan sikap terlalu mudah menghina ulama dan auliya' Allah. Kita perlu ingat, antara taktik musuh-musuh Islam meruntuhkan Din yang suci ini ialah dengan mencaci ulama terutamanya ulama tasawwuf dan tariqah. Sesungguhnya tiada balasan azab yang lebih besar, melainkan balasan bagi orang yang mencaci kekasih-kekasihNya yang terdiri dari kalangan wali-wali Allah. Di dalam hadith Qudsi, disebut:

مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنَهُ بِالْحَرْبِ

“Sesiapa yang memusuhi bagiKu waliKu, maka sesungguhnya Aku memaklumkan peperangan terhadapnya.”⁵⁶

Sesungguhnya orang yang mentohmah tasawwuf dan tariqah, hanyalah orang yang memandang tasawwuf dan tariqah pada kulitnya sahaja tetapi tidak menyelami isi dan intipati tasawwuf dan tariqah yang sebenar. Ibrahim ibn Adham r.a. pernah berkata: Sekiranya raja-raja mengetahui apa yang ada di dalam hati kami ini, iaitu nikmat-nikmat, ketenangan dan kemanisan hidup, nescaya mereka akan mengangkat pedang memerangi kami untuk mendapatkannya.

Daripada keseluruhan perbincangan di dalam risalah ini, maka dapatlah kita melihat dengan jelas bahawa tasawwuf dan

⁵⁶ Syeikh al Islam Abu Zakaria Yahya ibn Syaraf al Din al Nawawi, Riyadh al Solihin min Kalam Sayyid al Mursalin H:117.

tariqah sememangnya ada di dalam Islam dan ia lahir bersama kelahiran Islam.

Melihat kepada tokoh-tokohnya yang telah wujud semenjak zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke hari ini, memberi keyakinan kepada kita, bahawa ilmu tasawwuf dan tariqah sentiasa seiring sejalan dengan al Quran dan Sunnah dan kemuncak bagi pencapaian kedudukan seseorang hamba di sisi Allah.

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَاهْدِنَا إِلَى سَوَاءِ السَّبِيلِ، وَآخِرُ دَعْوَانَا أَنْ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَمُّ الصَّالِحَاتِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا وَبَيْنَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

“Wahai Tuhan kami! Ampunilah dosa-dosa kami, rahmatilah kami dan tunjukilah kami ke jalan yang lurus. Dan akhir doa kami ialah “Segala puji dipersembahkan kepada Allah Yang memelihara dan mentadbir sekalian alam yang dengan nikmatNya menyempurnakan segala kebaikan. Semoga Allah melimpahkan rahmat ke atas penghulu dan Nabi kami, Muhammad serta ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya sekalian.”

57 وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

⁵⁷ Kertas kerja ini disediakan dan dibentangkan oleh Ustaz Muhammad Fuad bin Kamaludin al Maliki dalam program Halaqah Ilmiyyah: Memperkasakan Kefahaman Akiqah Ahli Sunnah wal Jjama'ah, anjuran Jabatan Mufti Johor pada 27 – 29hb April 2008 bertempat di Tanjung Piai Resort, Pontian, Johor.